

## Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka

Hasna Bidin\*, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: hasnabinbidin@yahoo.com

### Abstract

The research aim to find out the in-depth knowledge among the muslim students of Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka on the topic of performing the sholah. This researcher has used questionnaire as main research instrument. One set of the questionnaire contains 20 items distributed to the respondents. Data gained from the respondents was analyzed using the Statistical Package For Social Sciences (SPSS) version 2.00 for further statistical analysis. This research focus on three aspects that divided mainly into; the general understanding of performing the sholah by the students, two, the respondents perception on order by Allah to perform the sholah and third, the retribution for those who did not perform the sholah. 75 muslim respondents were selected that consist of final year students of the college. They were randomly selected by the researcher from five different programmes offered i.e: Certificate in Electrical, Certificate in Light Vechicle Services, Certificate in Cullinary, Hotel Managment and Operation and Certificate in Fashion. The analysis showed the general understanding and conception of performing the sholah among respondents is high. Respondents also showed high understanding and knowledge to two other research parameters that punishment to those who did not perform the sholah and congregation in sholah. As conclusion, this researcher hopes that the lecturers will continue playing the role and commitment in ensuring, motivating and by guiding students to uphold the duty as a muslim programmes that focus on Islamic teaching and responsibility such as seminars, conferences etc will ensure maximum comprehension and execution of the sholah in their daily lives.

**Keyword:** Understanding of sholah; sholah; fardu sholah; Community College Bukit Beruang; Melaka

### Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauhmana kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Penyelidik telah menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Satu set soal selidik yang mengandungi 20 item telah diedarkan kepada responden. Manakala data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian "Statistical Package For Social Sciences" (SPSS) versi 20.0 untuk melihat statistik deskriptif. Kajian ini mempunyai tiga skop kajian iaitu kefahaman pelajar tentang solat fardu, kefahaman mereka tentang tuntutan solat berjemaah dan balasan keatas orang-orang yang meninggalkan solat fardu. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar muslim semester akhir di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka seramai 75 orang yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Sampel-sampel ini diambil daripada lima program Sijil Kolej Komuniti (SKK) yang terdapat di Kolej Komuniti tersebut iaitu Sijil Pemasangan Elektrik, Sijil Servis kenderaan Ringan, Sijil Kulineri, Sijil Operasi Perhotelan dan Sijil Fesyen dan Pakaian. Hasil analisis menunjukkan bahawa kefahaman responden tentang solat fardu adalah tinggi. Begitu juga hal keadaannya dengan tahap kefahaman mereka tentang tuntutan solat berjemaah juga tinggi. Manakala tahap kefahaman mereka terhadap balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat juga berada pada aras yang tinggi. Oleh itu, harapan pengkaji agar para pensyarah meningkatkan daya usaha dan komitmen bagi membimbing pelajar-pelajar dengan menyediakan aktiviti-aktiviti kerohanian. Di antara aktiviti-aktiviti kerohanian yang perlu dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar ialah kem ibadah, kursus-kursus dan program pemantapan solat bagi meningkatkan tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu dalam kehidupan mereka seharan

**Kata kunci:** Kefahaman solat; ibadat solat; solat fardu; Kolej Komuniti Bukit Beruang; Melaka

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### ■1.0 PENGENALAN

Solat adalah merupakan ibu segala amalan yang menjadi teras utama kepada agama islam. Tertegaknya Islam dalam kehidupan setiap individu muslim amat bergantung kepada sejauhmanakah pelaksanaan solat mereka sehari-hari. Hal yang sedemikian ini telah diperjelaskan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis riwayat Imam al-Baihaqi daripada Abdullah bin Umar ra, iaitu (Baihaqi, 2004 :1077) :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْأَصْلَامَةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ وَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ

Ertinya: “Dari ‘Abdullah bin Umar ra, katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Solat itu adalah tiang agama, barangsiapa yang mendirikannya maka sesungguhnya ia telah mendirikan agamanya sebaliknya barangsiapa yang meninggalkannya, sesungguhnya ia telah meruntuhkan agamanya.”

(Riwayat Baihaqi)

Hadis di atas ini bermaksud tanpa amalan solat, maka sia-sialah segala amal kebajikan lain yang telah dilakukan oleh seseorang muslim. Sebagai buktinya, ibadat solat merupakan ajaran utama yang terkandung dalam dakwah para nabi sebagai tanda-tanda keimanan seseorang serta keyakinannya kepada Allah S.W.T. (Hassan al-Turabi,1974:11).

Sebaliknya bagi mereka yang meninggalkan solat dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran, maka mereka dianggap telah meruntuhkan agamanya sehingga layak dihukum bunuh oleh pemerintah sekiranya enggan bertaubat dari perbuatan meninggalkan solat apabila disuruh berbuat demikian (Amin al-Kurdi,2004: 20).

Oleh yang demikian, masyarakat islam perlu peka terhadap kewajipan solat fardu dengan mempelajarinya dari semasa ke semasa agar pelaksanaan ibadat tersebut menjadi lebih sempurna serta menepati ajaran islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Di samping itu, setiap muslim juga perlu sentiasa mendidik dan menasihati ahli keluarganya,anggota masyarakatnya dan rakan-rakannya agar mereka sentiasa mengambil berat tentang kewajipan dan pelaksanaan solat fardu. Tidak lupa juga kepada para pendidik sama ada guru-guru dan para pensyarah juga perlu menitikberatkan tentang pemahaman dan pelaksanaan solat fardu kepada seluruh anak murid dan pelajar-pelajar agar mereka sentiasa menjaga dan mengutamakan solat di dalam kehidupan mereka sehari-hari.

## ■2.0 PERNYATAAN MASALAH

Masih terdapat pelajar yang tidak segan silu mengakui mereka sentiasa tidak lengkap dalam mendirikan solat lima waktu sehari semalam dengan meninggalkan mana-mana waktu solat setiap hari. Hal sedemikian terjadi kerana kurang ilmu pengetahuan berkaitan ibadah solat serta tarhakisnya rasa tanggungjawab untuk menuaikan kewajipan solat. Masalah ini dikenalpasti ketika pensyarah membuat penilaian dengan mengemukakan pertanyaan secara tidak langsung setiap kali masuk ke kelas sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Masalah ini juga dikenalpasti berdasarkan temu bual dengan beberapa orang pensyarah di Jabatan Pengajian Am (Mardziah, 2006:2).

Fenomena yang sedemikian juga berlaku di Kolej-kolej Komuniti berpunca daripada pelajar-pelajar muslim yang kurang ilmu pengetahuan berkaitan solat fardu dan pelaksanaannya. Berdasarkan hasil dapatan kajian ke atas pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Selendar, Melaka mendapat bahawa tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu mereka seharian berada pada tahap yang sederhana (Rahmat & Mohd Toriq,2012:5). Oleh yang demikian, kajian tentang pelaksanaan solat fardhu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti di Melaka ini khasnya Kolej Komuniti Bukit Beruang mesti dilakukan bagi memastikan pelajar-pelajar ini tidak kecundang dalam mendepani cabaran globalisasi dan keruntuhan nilai dan moral yang semakin parah.

Hasil dapatan dari kajian ini boleh membantu para pensyarah mengenal pasti tahap kefahaman pelajar-pelajar mereka berkaitan solat fardu. Selain itu para pensyarah boleh melakukan pemantauan, penambahbaikan dan mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk kem, program dan kursus bagi membimbang dan membantu pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka untuk meningkatkan tahap kefahaman solat fardu mereka agar tatacara pelaksanaannya akan menjadi lebih baik lagi. Hal yang sedemikian ini dapat menjadikan mereka insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelektual selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

## ■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk:

- Mengenal pasti tahap kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka
- Menilai tahap kefahaman pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka berkaitan tuntutan solat fardu berjemaah
- Menilai tahap kefahaman pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka berkaitan balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat

## ■4.0 SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka yang melibatkan pelajar-pelajar Islam semester akhir yang terdiri daripada lima program yang terdapat di Kolej Komuniti Bukit Beruang iaitu Sijil Pemasangan Elektrik, Sijil Servis Kenderaan Ringan, Sijil Kulineri, Sijil Fesyen dan Pakaian dan Sijil Operasi Perhotelan. Seramai 75 orang responden daripada keseluruhan pelajar semester akhir yang berjumlah 95 orang telah dipilih secara rawak untuk menjadi sampel kajian.

Skop kajian ini menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu tahap kefahaman pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka berkaitan solat fardu, tahap kefahaman mereka berkaitan tuntutan solat fardu berjemaah dan balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat fardu. Bentuk solat yang ditumpukan dalam kajian ini ialah solat fardu lima waktu.

## ■5.0 SOROTAN PENULISAN

Ibadat solat adalah merupakan amalan utama di antara ibadat-ibadat yang lain dan merupakan rukun islam kedua terpenting selepas mengucap dua kalimah syahadah. Solat juga merupakan satu kefarduan asas ke atas setiap orang Islam yang *mukallaf* dan solat yang sempurna juga dapat menjauahkan diri mereka dari segala perbuatan keji dan mungkar (Mohd Nazir, 2013:14).

Meninggalkan solat fardu lima waktu dengan sengaja adalah berdosa walau apa jua alasan sekalipun. Situasi orang yang meninggalkan solat adalah buruk dan keji disisi Allah S.W.T. sehingga diumpamakan mereka ini lebih hina dari binatang kerana menderhaka kepada perintah Allah S.W.T. Sebenarnya isu meninggalkan solat adalah lebih bahaya bagi umat Islam daripada isu permasalahan sosial seperti buli, buang bayi, membunuh dan sebagainya kerana punca segala perilaku sosial yang membarah dalam masyarakat adalah bermula daripada sikap islam terutamnya remaja yang suka dan gemar meninggalkan solat. Selain itu, solat juga adalah merupakan salah satu kaedah yang berkesan dan praktikal dalam menangani dan mencegah seseorang individu muslim itu dari terjebak kepada perbuatan keji dan mungkar (Syukri *et al.*, 2014:2). Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud, “Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar” (Surah *al-Ankabut*, ayat : 45).

### Pengertian Solat

Perkataan solat menurut bahasa doa memohon kebaikan dan pujian (Johari Yaman dan Junaid Talip, 2003:54). Solat menurut *syara'* ditakrifkan sebagai beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam serta dengan syarat-syarat yang ditentukan. Maksud solat yang betul dan sempurna ialah solat yang didirikan dengan menepati segala rukun sah solat iaitu rukun *qauli* (bacaan), *fi'li* (perbuatan) dan *qalbi* (hati). Rukun *qauli* ialah ucapan dan ikrar kepada Allah S.W.T., rukun *fi'li* ialah perbuatan dan tindakan sebagai bukti kepatuhan kepada Allah S.W.T. dan rukun *qalbi* pula ialah kekhusukan hati dan tumpuan penuh kepada Allah S.W.T. (Mohd Nazir, 2013:28). Solat yang betul dan sempurna akan melahirkan personaliti muslim yang berakhlik mulia dan beriman kepada Allah S.W.T.

### Solat Fardu dan Tuntutan Solat Berjemaah

Solat fardu ialah solat lima waktu sehari semalam adalah ibadat yang paling asas dalam Islam. Penganut agama Islam percaya bahawa di Akhirat kelak amalan yang pertama sekali disoal adalah solat. Sekiranya solat seseorang itu sempurna maka barulah ditanyakan tentang amalan-amalan yang lain. Jika gagal, maka gagallah amalan-amalan yang lain seperti puasa, sedekah, zakat, haji dan lain-lain. Sabda Rasulullah s.a.w. daripada hadis yang telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik r. a., iaitu: (Thabarani, t.t:1859)

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْلُ مَا يُحَاسِبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
الصَّلَاةُ، فَإِنْ صَلَحَتْ صَلَحَ لَهُ سَاعِرٌ عَمَلُهُ وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ سَاعِرٌ عَمَلُهُ

*Maksudnya :* “Dari Anas bin Malik ra berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Yang pertama sekali akan dihisab ke atas seorang hamba di hari qiamat nanti ialah solat, maka jika baik solatnya nescaya baiklah amalan lainnya dan jika rosak solatnya, maka binasalah amal-amal yang lain.”

( Riwayat al-Thabarani)

Hadis di atas menjelaskan bahawa segala amalan akan diterima dengan syarat melaksanakan solat. Jika solatnya telah dilaksanakan, maka akan diperiksa amal ibadah yang lain. Namun, jika solatnya tidak dilaksanakan maka amal lainnya tidak akan diperiksa (Ibn Qayyim, 2006:33).

Solat fardu wajib ditunaikan selagi seseorang masih Islam dan masih waras. Solat fardu tidak boleh ditinggalkan sama sekali dalam apa keadaan sekali pun kerana ia termasuk dalam dosa-dosa besar. Sekiranya dalam keadaan sakit teruk sekalipun, jika hanya mampu yang boleh bergerak maka solat wajib dilaksanakan dalam waktunya iaitu dengan menggunakan isyarat mata. Sekiranya seseorang tertinggal solat fardu, wajib baginya untuk mengulangkannya dengan niat *qada'*.

Solat yang terbaik ialah solat yang dilakukan di masjid ataupun surau (bagi lelaki) secara berjemaah dengan menjaga kekhusukannya, bacaannya dan rukunnya serta mengambil wuduk secara sempurna. Menunaikan solat fardu secara berjemaah mengandungi pahala yang berlipat kali ganda daripada sembahyang seorang diri, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang telah diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar r.a. (Bukhari, 1987: 231):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَوْدَيْ بِسِبْعٍ وَعَشْرِينَ دَرْجَةً

*Maksudnya:* “ Dari Abdullah bin Umar ra, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda :Solat berjemaah adalah lebih baik daripada sembahyang seorang diri dengan 27 darjah.”

(Riwayat al-Bukhari)

Lantaran itu para ulama berselisih pendapat mengenai hukum sembahyang berjemaah. Mazhab Hanafi dan Maliki berpendapat bahawa sembahyang berjemaah untuk solat-solat fardu selain daripada solat Jumaat adalah *sunat muakkad*. Mazhab Syafie pula berpendapat hukumnya adalah *fardu kifayah* manakala mazhab Hambali pula melihat sembahyang berjemaah merupakan *fardu Ain* yang wajib ke atas setiap orang Islam (al-Zuhaili, 2002: 1167-1169).

### Hukum dan Balasan Meninggalkan Solat

Solat adalah merupakan asas kekuatan peribadi dan benteng pertahanan diri seseorang Muslim daripada terjebak ke dalam penyelewengan sosial dan akhlak. Kesan pengabaian solat yang berlaku berlaku secara berleluasa dalam kalangan remaja dan masyarakat Islam hari ini

menyebabkan mereka banyak terpengaruh dengan pelbagai penyimpangan sosial yang parah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. yang menyatakan bahawa solat merupakan benteng diri seseorang Muslim daripada perlakuan keji dan mungkar. Firman Allah S.W.T. yang maksudnya: “Dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar” (Surah *al-Ankabut*, ayat: 45). Ayat di atas menjelaskan bahawa tanpa ibadat solat, seseorang itu akan mudah terjebak dengan perbuatan keji dan mungkar.

Para *Ulama'* telah mengkategorikan keadaan orang yang meninggalkan solat fardu kepada dua bahagian iaitu meninggalkan solat kerana malas serta meringan-ringankan pelaksanaannya dan meninggalkan solat fardu dengan sengaja atau ingkar kepada perintah *syara'* (Hilmi Ismail, 2010:53-54). Huriahan mengenai kedua-dua bahagian ini seperti berikut:

#### **a. Meninggalkan Solat Fardu Kerana Malas**

Menurut istilah fiqh, perbuatan malas mengerjakan solat disebut sebagai *takasul*, manakala meringan-ringankan pelaksanaan solat disebut sebagai *tahawun* (al-Nawawi,tt :17) Diantara ciri-ciri utamanya ialah meninggalkan solat fardu tanpa sebarang keuzuran yang diharuskan oleh *syara'* serta melewati-lewatkan pelaksanaan solat dengan mengerjakannya di akhir waktu.

Para *ulama'* telah menghuraikan tafsiran bagi perkataan **خلف اضعوا الصلاة واتبعوا الشهوات فسوف يلقون العذاب** dalam ayat **الذين هم في صلاتهم ساهون** dalam ayat **الذين هم في صلاتهم ساهون** (Surah *al-Mau'n* :5). Menurut *ulama'* bahawa perkataan *al-sahun* dalam ayat tersebut bermaksud melewati-lewatkan solat fardu sehingga keluar dari waktunya (al-Zahabi, 1995:39)

#### **b. Meninggalkan Solat Fardu Kerana Ingkar Kepada Perintah Syara'**

Menurut istilah fiqh, perbuatan meninggalkan solat dengan sengaja kerana ingkar kepada perintah *syara'* disebut sebagai *tark al-solah* yang bermaksud meninggalkan solat. Dari sudut bahasa, perkataan *al-tark* bermaksud mencampak, mengosong atau mendiamkan sesuatu. Manakala menurut istilah fiqh, *tark al-solah* bermaksud seseorang yang tidak menuaikan solat di dalam waktunya (al-Hamsyari et al., 1997 :54)

#### **Hukum Meninggalkan Solat dan Balasannya**

Para *ulama'* Islam telah *berijma'* bahawa seseorang yang telah mengetahui hukum dan kefarduan solat tetapi enggan mengerjakannya kerana ingkar kepada perintah *Syara'* akan menyebabkan dia menjadi kufur serta terkeluar dari agama Islam. Hal yang sedemikian ini membolehkan pemerintah atau wakilnya menjatuhkan hukuman bunuh terhadap orang ini kerana telah menjadi murtad disebabkan mengingkari perkara-perkara yang sudah *qat'ie* (muktamad) dan jelas hukumnya dalam agama (al-Syarbini,1994:612).

Sebaliknya, jika perkara seumpama itu berlaku disebabkan kejahanan tentang kefarduan solat seperti tidak mengetahui tentang hukum solat ketika mula-mula memeluk Islam, fikirannya tidak waras dan dia duduk berjauhan dari komuniti umat islam, maka para *ulama'* berpendapat seseorang itu tidaklah menjadi kufur.”

Namun demikian, para *fuqaha'* berbeza pendapat tentang seseorang yang meninggalkan solat fardu tetapi masih beritiad tentang kefarduan solat seperti seseorang yang meninggalkan solat kerana malas, sibuk dengan urusan dunia atau meringan-ringangkan hukum solat. Imam Malik dan Imam Syafi'e berpendapat bahawa orang yang meninggalkan solat kerana malas hanya di hukumkan *fasiq* kerana telah melakukan dosa-dosa besar. Manakala Imam Ahmad ibn Hanbal pula menyatakan bahawa orang yang meninggalkan solat dengan sengaja adalah dihukumkan sebagai kafir yang menyebabkan dia terkeluar dari agama Islam dan menjadi murtad (al-Syaukani, 2004 :313).

Sementara Imam Abu Hanifah dan sekumpulan daripada penduduk kufah serta pendapat Imam Muzanni dan Imam Thauri dari mazhab Syafie pula menyatakan bahawa orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tidak dihukumkan kafir dan tidak dijatuhkan hukuman bunuh. Akan tetapi mereka akan ditakzir dan dipenjara sehingga mereka bertaubat dan kembali menuaikan solat (Hasan Ayub,2003 :88).

## **■6.0 METODOLOGI KAJIAN**

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Menurut Mohd Majid Konting (2004), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Tujuan penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pelaksanaan pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka terhadap ibadah solat fardu. Penyelidik cuba untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai perkara diatas melalui sampel yang diperolehi daripada responden.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada pelajar-pelajar muslim semester akhir di Kolej Komuniti Bukit Beruang yang berjumlah 95 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 75 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Sampel-sampel tersebut diambil daripada lima program yang terdapat di Kolej Komuniti Bukit Beruang iaitu Sijil Pemasangan Elektrik, Sijil Servis Kenderaan Ringan, Sijil Kulinari, Sijil Fesyen dan Pakaian dan Sijil Operasi Perhotelan. Penentuan jumlah sampel seramai 75 orang adalah merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel krecje and morgan 1970 yang menyenaraikan jumlah sampel yang berpadanan dengan saiz populasi

(Chua Yan Piaw,2006 :186). Menurut Mohd Najib Abd. Ghafar (1999:38) pula bahawa persampelan yang diambil sebanyak 30% daripada jumlah populasi adalah sudah mencukupi.

### Instrumen Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Melalui pendekatan kuantitatif, kajian ini dilakukan secara tinjauan kerana kaedah tinjauan sesuai digunakan terutama dalam bidang sains sosial (Chua, 2006:107). Tambahan lagi, kaedah tinjauan melalui pengedaran soal-selidik juga membolehkan jawapan dikumpulkan secara terus daripada responden dalam masa yang singkat (Chua, 2006:107). Borang soal-selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C dan D. Bahagian A berkaitan maklumat demografi, bahagian B berkaitan pengetahuan solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, bahagian C berkaitan pengetahuan solat fardu berjemaah dalam kalangan pelajar muslim dan bahagian D berkaitan pengetahuan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang berkaitan balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat fardu.

Dalam kajian ini, kaedah analisis yang digunakan ialah Analisis Deskriptif. Analisis Deskriptif digunakan untuk mengukur skor min bagi tahap kefahaman solat fardu, kefahaman solat berjemaah dan kefahaman terhadap balasan meninggalkan solat. Huraian bagi analisis tersebut di atas adalah seperti berikut:

### Analisis Deskriptif

Analisis Deskriptif digunakan untuk menganalisis objektif kajian yang mengandungi maklumat pada bahagian B iaitu kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar, bahagian C iaitu kefahaman solat fardu berjemaah dalam kalangan pelajar dan bahagian D iaitu kefahaman pelajar berkaitan balasan orang yang meninggalkan solat fardu. Penyelidik kadangkala boleh menggunakan pelbagai teori dan formula sendiri bagi menghasilkan satu indeks tersendiri berdasarkan objektif kajian (Mohd Najib Abd Ghafar, 2003:144). Oleh itu, hasil analisis dalam bahagian B,C dan D dianalisis berdasarkan kepada nilai skor min yang mengandungi tiga tahap iaitu tinggi, rendah dan sederhana seperti berikut:

**Jadual 1** Nilai skor min

| Nilai Skor Min   | Tahap     |
|------------------|-----------|
| 3.67 hingga 5.00 | Tinggi    |
| 2.34 hingga 3.66 | Sederhana |
| 1.00 hingga 2.33 | Rendah    |

Rujukan: Jainabee (2005) dan Mohd. Majid Konting (2005)

Merujuk kepada Jadual 1, penyelidik menentukan tahap adalah berdasarkan nilai skor yang telah ditetapkan. Manakala skala yang digunakan dalam soal-selidik ini adalah skala likert yang mengandungi lima mata iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

### Kajian Rintis

Kajian rintis ini adalah kajian awal yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Sebelum melakukan kajian sebenar terhadap responden, penyelidik terlebih dahulu telah melakukan kajian rintis. Melalui kajian rintis, penyelidik berpeluang untuk membaiki soalan yang kurang baik, membuang soalan yang tidak sesuai serta menambah soalan yang perlu. Penyelidik akan menguji kebolehpercayaan soal selidik ini terlebih dahulu dengan menggunakan Ujian *Alpha Cronbach* dalam SPSS. Menurut Mohd Majid Konting (1993:85), nilai alpha yang melebihi 0.6 adalah dianggap mempunyai kesahan yang tinggi dalam sesuatu ujian dan dikira sebagai mempunyai kebolehpercayaan pada instrumen kajian.

Sampel minimum yang diperlukan dalam menjalankan kajian rintis adalah sekurang-kurangnya tiga puluh orang sampel sahaja (Chua,2006:259). Dalam kajian rintis juga, responden yang diambil sebagai sampel mestilah bukan dari sampel sebenar bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang terdapat dalam soal-selidik yang akan digunakan (Mohd Majid :2004).

Dapatan rintis yang diperolehi oleh penyelidik ke atas pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang telah mencapai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai alpha yang melebihi 0.6 iaitu sebanyak 0.957 *alpha croanbach*. Oleh yang demikian, instrumen kajian pada semua item soal-selidik boleh dianggap mempunyai kesahan yang tinggi serta boleh diaplikasi dalam kajian sebenar.

## ■7.0 DAPATAN KAJIAN

### Taburan Responden Mengikut Jantina

Jadual 2 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut jantina. Responden adalah terdiri daripada 30 orang (40.0 peratus) pelajar lelaki dan 45 orang (60.0 peratus) pelajar perempuan. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 75 orang pelajar (100.0 peratus).

**Jadual 2** Taburan responden mengikut jantina

| <b>Jantina</b> |                  |                |
|----------------|------------------|----------------|
| <b>Jantina</b> | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratus</b> |
| Lelaki         | 30               | 40.0           |
| Perempuan      | 45               | 60.0           |
| Jumlah         | 75               | 100.0          |

### Taburan Responden Mengikut Umur

Jadual 3 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut umur. Kesemua responden, iaitu 75 orang (100.0 peratus) adalah terdiri daripada pelajar yang berumur antara 18 tahun hingga 21 tahun.

**Jadual 3** Taburan responden mengikut umur

| <b>Umur</b>  |                 |                |
|--------------|-----------------|----------------|
| <b>Umur</b>  | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus</b> |
| 18- 21 tahun | 75              | 100.0          |
| Jumlah       | 75              | 100.0          |

### Taburan Responden Mengikut Kolej

Jadual 4 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut kolej. Kesemua responden, iaitu 75 orang (100.0 peratus) adalah terdiri daripada pelajar daripada Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka.

**Jadual 4** Taburan responden mengikut kolej

| <b>Kolej</b>                 |                 |                |
|------------------------------|-----------------|----------------|
| <b>Nama Kolej</b>            | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus</b> |
| Kolej Komuniti Bukit Beruang | 75              | 100.0          |
| Jumlah                       | 75              | 100.0          |

### Taburan Responden Mengikut Program

Jadual 5 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut program. Responden adalah terdiri daripada 15 orang (20.0 peratus) pelajar daripada program sijil pemasangan elektrik, 15 orang (20.0 peratus) pelajar daripada program sijil servis kenderaan ringan, 15 orang (20.0 peratus) pelajar daripada program sijil kulinari, 15 orang (20.0 peratus) pelajar daripada program sijil fesyen dan pakaian, dan 15 orang (20.0 peratus) pelajar daripada program sijil operasi perhotelan.

**Jadual 5** Taburan responden mengikut program

| <b>Program</b>                |                 |                |
|-------------------------------|-----------------|----------------|
| <b>Senarai Program</b>        | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus</b> |
| Sijil Pemasangan Elektrik     | 15              | 20.0           |
| Sijil Servis Kenderaan Ringan | 15              | 20.0           |
| Sijil Kulinari                | 15              | 20.0           |
| Sijil Fesyen dan Pakaian      | 15              | 20.0           |
| Sijil Operasi Perhotelan      | 15              | 20.0           |
| Jumlah                        | 75              | 100.0          |

**Taburan Responden Mengikut Keputusan Subjek Pendidikan Islam di dalam SPM**

Jadual 6 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut keputusan subjek Pendidikan Islam di dalam SPM. Jumlah responden yang mendapat keputusan A bagi subjek Pendidikan Islam di dalam SPM adalah seramai 2 orang pelajar, iaitu 2.7 peratus. Jumlah responden yang mendapat keputusan A- bagi subjek Pendidikan Islam di dalam SPM adalah seramai 1 orang pelajar, iaitu 1.3 peratus. Jumlah responden yang mendapat keputusan B+ bagi subjek Pendidikan Islam di dalam SPM adalah seramai 12 orang pelajar, iaitu 16.0 peratus. Jumlah responden yang mendapat keputusan B bagi subjek Pendidikan Islam di dalam SPM adalah seramai 17 orang pelajar, iaitu 22.7 peratus. Jumlah responden yang mendapat keputusan C+ bagi subjek Pendidikan Islam di dalam SPM adalah seramai 13 orang pelajar, iaitu 17.3 peratus. Jumlah responden yang mendapat keputusan C bagi subjek Pendidikan Islam di dalam SPM adalah seramai 19 orang pelajar, iaitu 25.3 peratus. Jumlah responden yang mendapat keputusan D bagi subjek Pendidikan Islam di dalam SPM adalah seramai 9 orang pelajar, iaitu 12.0 peratus. Manakala jumlah responden yang mendapat keputusan E bagi subjek Pendidikan Islam di dalam SPM adalah seramai 2 orang pelajar, iaitu 2.7 peratus.

**Jadual 6** Taburan responden mengikut keputusan subjek Pendidikan Islam di dalam SPM

| <b>Keputusan</b> |                 |                |
|------------------|-----------------|----------------|
| <b>Keputusan</b> | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus</b> |
| A                | 2               | 2.7            |
| A-               | 1               | 1.3            |
| B+               | 12              | 16.0           |
| B                | 17              | 22.7           |
| C+               | 13              | 17.3           |
| C                | 19              | 25.3           |
| D                | 9               | 12.0           |
| E                | 2               | 2.7            |
| Jumlah           | 75              | 100.0          |

**Taburan Responden Mengikut Tahap Jawi**

Jadual 7 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut tahap jawi. Jumlah responden yang berada di tahap jawi baik adalah seramai 8 orang pelajar, iaitu sebanyak 10.6 peratus. Jumlah responden yang berada di tahap jawi sederhana adalah seramai 35 orang pelajar, iaitu sebanyak 46.7 peratus. Jumlah responden yang berada di tahap jawi lemah adalah seramai 26 orang pelajar, iaitu sebanyak 34.7 peratus. Manakala jumlah responden yang berada di tahap jawi tidak boleh adalah seramai 6 orang pelajar, iaitu sebanyak 8.0 peratus.

**Jadual 7** Taburan responden mengikut tahap jawi

| <b>Tahap Jawi</b> |                 |                |
|-------------------|-----------------|----------------|
| <b>Tahap Jawi</b> | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus</b> |
| Baik              | 8               | 10.6           |
| Sederhana         | 35              | 46.7           |
| Lemah             | 26              | 34.7           |
| Tidak Boleh       | 6               | 8.0            |
| Jumlah            | 75              | 100.0          |

### Taburan Responden Mengikut Tahap Pembacaan Al-Quran

Jadual 8 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut tahap pembacaan Al-Quran. Jumlah responden yang berada di tahap pembacaan Al-Quran baik adalah seramai 6 orang pelajar, iaitu sebanyak 8.0 peratus. Jumlah responden yang berada di tahap pembacaan Al-Quran sederhana adalah seramai 49 orang pelajar, iaitu sebanyak 65.3 peratus. Jumlah responden yang berada di tahap pembacaan Al-Quran lemah adalah seramai 19 orang pelajar, iaitu sebanyak 25.4 peratus. Manakala jumlah responden yang berada di tahap pembacaan Al-Quran tidak boleh adalah seramai 1 orang pelajar, iaitu sebanyak 1.3 peratus.

**Jadual 8** Taburan responden mengikut tahap pembacaan al-quran

| <b>Pembacaan al-Quran</b> |                 |                |
|---------------------------|-----------------|----------------|
| <b>Pembacaan al-Quran</b> | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus</b> |
| Baik                      | 6               | 8.0            |
| Sederhana                 | 49              | 65.3           |
| Lemah                     | 19              | 25.4           |
| Tidak Boleh               | 1               | 1.3            |
| Jumlah                    | 75              | 100.0          |

### Tahap Kefahaman Solat Fardu

Berdasarkan jadual 9 menunjukkan maklumat keseluruhan bagi item yang berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap solat fardu lima waktu. Hasil analisis ini menunjukkan hampir keseluruhan min bagi semua item di atas mencatatkan pencapaian tahap yang tinggi. Item no. 10 telah mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.97. Item ini berkaitan dengan “Solat fardu dapat mendekatkan diri seseorang hamba itu kepada Allah S.W.T.” di mana majoriti responden mengatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan ini. Diikuti pula dengan item no. 1 yang telah mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.92. Item ini berkaitan dengan “Solat fardu wajib dilakukan oleh setiap orang islam” di mana majoriti responden mengatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan ini. Kemudian diikuti dengan item no. 4 yang telah mencatatkan nilai min ketiga tertinggi iaitu 4.83. Item ini berkaitan dengan “Solat difardukan sebanyak lima waktu sehari semalam” di mana majoriti responden mengatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya diikuti oleh item no. 5 yang mencatatkan nilai min yang keempat tertinggi iaitu 4.81. Item ini berkaitan dengan “Solat fardu mempunyai waktu-waktu yang telah ditentukan” di mana majoriti responden mengatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala item yang mencatatkan nilai min yang kelima tertinggi ialah item no. 2 dengan nilai min sebanyak 4.79 yang berkaitan dengan “Solat dimulakan dengan takbir dan diakhiri dengan salam”. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Seterusnya diikuti oleh item no. 8 yang mencatatkan nilai min yang keenam tertinggi sebanyak 4.77. Item ini berkaitan dengan “Solat adalah amalan pertama yang dihisab pada hari akhirat” di mana majoriti responden sangat setuju dengan pernyataan ini.

Kemudian diikuti dengan item no. 9 yang mencatatkan nilai min yang ketujuh tertinggi iaitu 4.76. Item ini berkaitan dengan “Solat fardu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan” di mana majoriti responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Seterusnya item yang mencatatkan nilai min yang kelapan tertinggi ialah item no. 6 iaitu sebanyak 4.60. Item ini berkaitan dengan “Sakit bukan alasan untuk tidak menunaikan solat” di mana majoriti responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Berikutnya adalah item yang mencatatkan nilai min yang kesembilan tertinggi ialah item no. 3 iaitu 4.59. Item ini berkaitan dengan “Solat adalah rukun islam yang kedua terpenting selepas syahadah” di mana majoriti responden bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala item yang mencatatkan nilai min yang terendah ialah item no. 7 iaitu sebanyak 3.67. Item ini berkaitan dengan “Solat difardukan pada malam *Isra’* dan *Mikraj*” di mana responden yang setuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan ini hampir sama jumlahnya. Purata min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 4.67 dan ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap kewajipan solat fardu berada pada tahap yang tinggi.

**Jadual 9** Tahap kefahaman solat fardu berdasarkan skor min bagi setiap item**Kefahaman Solat Fardu**

| No.                           | Item   | STS  | TS   | KS    | S     | SS    | Min         |
|-------------------------------|--|------|------|-------|-------|-------|-------------|
|                               |  | f    | f    | f     | f     | f     |             |
|                               |  | (%)  | (%)  | (%)   | (%)   | (%)   |             |
| 1                             | Solat fardu wajib dilakukan oleh setiap orang islam                        | 0    | 0    | 0     | 6     | 69    | 4.92        |
|                               |  | 0.00 | 0.00 | 0.00  | 8.00  | 92.00 |             |
| 2                             | Solat dimulakan dengan takbir dan diakhiri dengan salam                    | 0    | 2    | 1     | 8     | 64    | 4.79        |
|                               |  | 0.00 | 2.67 | 1.33  | 10.67 | 85.33 |             |
| 3                             | Solat adalah rukun islam yang kedua terpenting selepas syahadah.           | 2    | 0    | 2     | 19    | 52    | 4.59        |
|                               |  | 2.67 | 0.00 | 2.67  | 25.33 | 69.33 |             |
| 4                             | Solat difardukan sebanyak lima waktu sehari semalam                        | 1    | 0    | 1     | 7     | 66    | 4.83        |
|                               |  | 1.33 | 0.00 | 1.33  | 9.33  | 88.00 |             |
| 5                             | Solat fardu mempunyai waktu-waktu yang telah ditentukan                    | 1    | 0    | 0     | 10    | 64    | 4.81        |
|                               |  | 1.33 | 0.00 | 0.00  | 13.33 | 85.33 |             |
| 6                             | Sakit bukan alasan untuk tidak menunaikan solat                            | 1    | 0    | 5     | 16    | 53    | 4.60        |
|                               |  | 1.33 | 0.00 | 6.67  | 21.33 | 70.67 |             |
| 7                             | Solat difardukan pada malam israk dan mikraj                               | 5    | 6    | 20    | 22    | 22    | 3.67        |
|                               |  | 6.67 | 8.00 | 26.67 | 29.33 | 29.33 |             |
| 8                             | Solat adalah amalan pertama yang akan di hisab di akhirat                  | 0    | 1    | 0     | 14    | 60    | 4.77        |
|                               |  | 0.00 | 1.33 | 0.00  | 18.67 | 80.00 |             |
| 9                             | Solat fardu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan        | 0    | 0    | 2     | 14    | 59    | 4.76        |
|                               |  | 0.00 | 0.00 | 2.67  | 18.67 | 78.67 |             |
| 10                            | Solat fardu dapat mendekatkan diri seseorang hamba itu kepada Allah S.W.T. | 0    | 0    | 0     | 2     | 73    | 4.97        |
|                               |  | 0.00 | 0.00 | 0.00  | 2.67  | 97.33 |             |
| <b>PURATA MIN KESELURUHAN</b> |  |      |      |       |       |       | <b>4.67</b> |

**Tahap Kefahaman Tentang Solat Fardu Berjemaah**

Berdasarkan Jadual 10 menunjukkan maklumat keseluruhan bagi item yang berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap solat fardu berjemaah. Hasil analisis mendapati purata min bagi keseluruhan item 11 hingga 15 berada pada aras yang tinggi iaitu 4.36. Nilai min yang tertinggi bagi analisis item-item ini diperolehi menerusi item 13 iaitu 4.76 yang berkaitan dengan “Ganjaran solat berjemaah adalah 27 kali ganda berbanding solat bersendirian”. Analisis bagi item ini menunjukkan bahawa majoriti responden sangat setuju bahawa solat berjemaah mempunyai ganjaran berganda berbanding solat bersendirian.

Manakala item yang mencatat nilai min kedua tertinggi ialah item 11 iaitu 4.73 yang berkaitan dengan “Solat berjemaah meningkatkan sifat kasih-sayang sesama islam”. Dapatkan bagi item ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa solat berjemaah dapat meningkatkan sifat kasih-sayang dalam diri setiap muslim. Seterusnya item yang mencatat nilai min yang ketiga tertinggi ialah item 12 iaitu 4.59 yang berkaitan dengan “Solat berjemaah akan melatih diri seseorang untuk mengikuti segala peraturan yang telah ditetapkan”. Dapatkan bagi item ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa solat berjemaah dapat melatih diri pelajar untuk sentiasa berdisiplin serta mematuhi segala peraturan.

Kemudian diikuti oleh item 15 yang mencatat nilai min keempat tertinggi iaitu 4.20 dengan pernyataan “Solat berjemaah bagi solat fardu hukumnya fardu kifayah”. Dapatkan bagi item ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa hukum solat berjemaah bagi solat fardu selain jumaat adalah fardu kifayah dan hal ini membuktikan mereka faham tentang hukum solat berjemaah. Manakala item yang mencatatkan nilai min yang terendah ialah item 14 iaitu 3.53 berkaitan dengan pernyataan “Solat berjemaah bagi solat isya’ dan subuh amat berat untuk dilakukan berbanding solat fardu yang lain”. Dapatkan bagi item ini menunjukkan terdapat ramai responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Secara keseluruhannya, kebanyakkan responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berkaitan solat fardu berjemaah dengan purata nilai min keseluruhannya sebanyak 4.36.

**Jadual 10** Tahap kefahaman solat fardu berjemaah berdasarkan skor min bagi setiap item**Kefahaman Solat Fardu Berjemaah**

| No.                           | Item   | STS  | TS    | KS    | S     | SS    | Min         |
|-------------------------------|--|------|-------|-------|-------|-------|-------------|
|                               |  | f    | f     | f     | f     | f     |             |
|                               |  | (%)  | (%)   | (%)   | (%)   | (%)   |             |
| 1                             | Solat berjemaah akan meningkatkan sifat kasih-sayang sesama islam                                      | 0    | 0     | 3     | 14    | 58    | 4.73        |
|                               |  | 0.00 | 0.00  | 4.00  | 18.67 | 77.33 |             |
| 2                             | Solat berjemaah akan melatih diri seseorang untuk mengikuti segala peraturan yang telah ditetapkan     | 0    | 0     | 3     | 25    | 47    | 4.59        |
|                               |  | 0.00 | 0.00  | 4.00  | 33.33 | 62.67 |             |
| 3                             | Ganjaran solat berjemaah adalah 27 kali ganda berbanding solat bersendirian                            | 0    | 0     | 3     | 12    | 60    | 4.76        |
|                               |  | 0.00 | 0.00  | 4.00  | 16.00 | 80.00 |             |
| 4                             | Solat berjemaah bagi solat isya' dan subuh amat berat untuk dilakukan berbanding solat fardu yang lain | 6    | 9     | 19    | 21    | 20    | 3.53        |
|                               |  | 8.00 | 12.00 | 25.33 | 28.00 | 26.67 |             |
| 5                             | Solat berjemaah bagi solat fardu hukumnya fardu kifayah  | 0    | 2     | 13    | 28    | 32    | 4.20        |
|                               |  | 0.00 | 2.67  | 17.33 | 37.33 | 42.67 |             |
| <b>PURATA MIN KESELURUHAN</b> |  |      |       |       |       |       | <b>4.36</b> |

**Tahap Kefahaman tentang Balasan Meninggalkan Solat Fardu**

Berdasarkan Jadual 11 menunjukkan maklumat keseluruhan bagi item yang berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap balasan meninggalkan solat fardu. Hasil analisis mendapati purata min bagi keseluruhan item 16 hingga 20 berada pada aras yang tinggi iaitu 4.25. Dapatkan di atas mendapati bahawa item yang memperolehi nilai min tertinggi ialah item 19 iaitu 4.71. Item ini berkaitan dengan “Balasan di akhirat ke atas orang yang meninggalkan solat ialah akan menerima azab dalam neraka” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Manakala item yang memperolehi nilai min kedua tertinggi ialah item 17 iaitu 4.63. Item ini berkaitan dengan “Berdosa besar jika meninggalkan solat fardu dengan sengaja” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya item yang memperolehi nilai min ketiga tertinggi ialah item 20 iaitu 4.56. Item ini berkaitan dengan “Solat yang ditinggalkan wajib *diqada'kan* (digantikan semula)” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Berikutnya item yang memperolehi nilai min keempat tertinggi ialah item 16 iaitu 4.00. Item ini berkaitan dengan “Meninggalkan solat kerana menganggapnya tidak wajib boleh menyebabkan seseorang muslim itu menjadi kafir” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Bagi item yang memperolehi nilai min terendah ialah item 18 iaitu 3.39. Item ini berkaitan dengan “Balasan di dunia ke atas orang yang meninggalkan solat fardu dengan sengaja adalah dibunuh sekiranya enggan bertaubat” di mana bilangan responden yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut adalah hampir sama jumlahnya. Secara keseluruhannya, kebanyakkann responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berkaitan balasan meninggalkan solat fardu dengan purata nilai min keseluruhannya sebanyak 4.25.

**Jadual 11** Tahap kefahaman tentang balasan meninggalkan solat berdasarkan skor min bagi setiap item**Kefahaman tentang Balasan Meninggalkan Solat Fardu**

| No.                           | Item  | STS   | TS   | KS    | S     | SS          | Min  |
|-------------------------------|---|-------|------|-------|-------|-------------|------|
|                               |   | f     | f    | f     | f     | f           |      |
|                               |   | (%)   | (%)  | (%)   | (%)   | (%)         |      |
| 1                             | Meninggalkan solat fardu kerana menganggapnya tidak wajib boleh menyebabkan seseorang muslim menjadi kafir            | 4     | 3    | 15    | 20    | 33          | 4.00 |
|                               |   | 5.33  | 4.00 | 20.00 | 26.67 | 44.00       |      |
| 2                             | Berdosa besar jika meninggalkan solat fardu dengan sengaja  | 1     | 1    | 2     | 17    | 54          | 4.63 |
|                               |   | 1.33  | 1.33 | 2.67  | 22.67 | 72.00       |      |
| 3                             | Balasan di dunia ke atas orang yang meninggalkan solat fardu dengan sengaja adalah dibunuh sekiranya enggan bertaubat | 10    | 7    | 19    | 22    | 17          | 3.39 |
|                               |   | 13.33 | 9.33 | 25.33 | 29.33 | 22.67       |      |
| 4                             | Balasan di akhirat ke atas orang yang meninggalkan solat ialah akan menerima azab dalam neraka                        | 0     | 0    | 1     | 20    | 54          | 4.71 |
|                               |   | 0.00  | 0.00 | 1.33  | 26.67 | 72.00       |      |
| 5                             | Solat yang ditinggalkan wajib diqada'kan (digantikan semula)  | 0     | 0    | 5     | 23    | 47          | 4.56 |
|                               |   | 0.00  | 0.00 | 6.67  | 30.67 | 62.67       |      |
| <b>PURATA MIN KESELURUHAN</b> |   |       |      |       |       | <b>4.25</b> |      |

**■8.0 PERBINCANGAN****Kefahaman Solat Fardu di kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang**

Berdasarkan objektif kajian yang pertama iaitu berkaitan Kefahaman Solat Fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang mendapat bahawa item 10 iaitu “Solat fardu dapat mendekatkan seseorang hamba itu kepada Allah S.W.T.” memperolehi nilai min tertinggi sebanyak 4.97. Hal ini bersesuaian dengan kedudukan solat yang merupakan ibadah yang terlalu istimewa berbanding ibadah yang lainnya kerana baginda Rasulullah s.a.w. mendapat perintah kewajipan solat daripada Allah S.W.T. secara langsung ketika menghadapnya di *Sidratul Muntaha* dalam peristiwa *Isra’ dan Mikraj* (Anisah Abd Ghani,2001). Seterusnya dengan nilai min sebanyak 4.92, item 1 iaitu “Solat fardu wajib dilakukan oleh setiap orang islam” mencatatkan nilai min kedua tertinggi. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa responden memahami kepentingan solat di dalam kehidupan mereka. Hal yang sedemikian ini bersesuaian dengan tingkatan solat dalam Islam yang merupakan rukun Islam yang kedua selepas daripada mengucap kalimah syahadah (Mohd Suhardi, 2004:87).

Berikutnya Item yang memperolehi nilai min ketiga tertinggi ialah item 4 sebanyak 4.83 iaitu Solat difardukan sebanyak lima waktu sehari semalam”. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan majoriti responden mengetahui bilangan solat fardu yang telah di wajibkan oleh Allah S.W.T. kepada setiap muslim. Mereka juga menyedari bahawa solat lima waktu wajib dilakukan ke atas umat islam yang baligh lagi berakal dan sama sekali tidak akan gugur kefarduannya sekalipun uzur dan sakit selagi mana mereka masih hidup dan bernyawa (Rokma Mamat,2007:3).

Item yang berikutnya iaitu item 5 memperolehi nilai min keempat tertinggi iaitu 4.81 dengan kenyataan “Solat fardu mempunyai waktu-waktu yang telah ditentukan”. Kenyataan ini mendapat persetujuan ramai dalam kalangan responden kerana mereka mengetahui akan waktu-waktu solat fardu sebagaimana mereka mengetahui bilangannya kerana kedua-dua perkara ini mempunyai kaitannya yang kuat. Hal ini meliputi syarat sah solat yang menetapkan bahawa solat fardu mestilah dikerjakan mengikut waktu-waktunya yang telah ditetapkan (Mohd Suhardi,2004:102).

Manakala item yang memperolehi nilai min kelima tertingga ialah item 2 iaitu 4.79 berkaitan dengan “Solat dimulakan dengan takbir dan diakhiri dengan salam”. Dapatan analisis menunjukkan pelajar-pelajar mengetahui dan memahami makna solat yang meliputi permulaan dan kesudahannya. Hal berkaitan ibadah solat amat penting untuk diketahui oleh setiap muslim kerana solat adalah amalan yang mengukuhkan iman dan menjadi perisai diri dari perilaku keji yang menyimpang (Mohd Arshad, 1999). Seterusnya item yang memperolehi nilai min keenam tertinggi ialah item no. 8 iaitu 4.77. Item ini berkaitan dengan “Solat adalah amalan pertama yang dihisab pada hari akhirat” di mana majoriti responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Hal yang sedemikian ini membuktikan bahawa kesempurnaan ibadah amat penting dalam menentukan kesempurnaan ibadah yang lainnya kerana solat adalah amalan pertama yang dinilai terlebih dahulu dipadang mahsyar (Sharifah Nur, 2010:2).

Bagi item no. 9 yang mencatatkan nilai min yang ketujuh tertinggi iaitu 4.76 berkaitan dengan “Solat fardu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan” menunjukkan ramai pelajar yang mengetahui kelebihan solat yang dapat menggugurkan dosa-dosa yang dilakukan oleh seseorang muslim itu. Selain itu juga, telah wujud satu situasi yang baik dan terpuji dalam diri pelajar kerana mereka sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri serta menambahkan amalan kebajikan bagi menebus segala dosa yang lalu.

Manakala item yang mencatatkan nilai min yang kelapan tertinggi ialah item no.6 iaitu sebanyak 4.60. Item bekanaan berkaitan dengan “Sakit bukan alasan untuk tidak menunaikan solat” di mana ramai responden yang bersetuju dengan pernyataan berikut. Hal sedemikian terjadi kerana pelajar-pelajar mengetahui kewajipan solat yang mesti ditunaikan dalam apa juar situasi sekalipun sama ada tatkala sakit, berperang, takut dan sebagainya. Oleh yang demikian, islam telah menggariskan panduan tertentu untuk orang sakit

menunaikan solat selagi akalnya masih waras bagi memberi peluang kepada mereka untuk menunaikan tanggungjawab *syara'* dan memperolehi pahala dalam beribadat (Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen, 2009:103). Maka tiada alasan bagi orang yang uzur dan sakit untuk mengelakkan diri mereka dari menunaikan kewajipan solat fardu dalam kehidupan sehari-hari.

Seterusnya item yang mencatatkan nilai min yang kesembilan tertinggi ialah item no.3 iaitu sebanyak 4.59. Item ini berkaitan dengan “Solat adalah rukun islam kedua terpenting selepas syahadah” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal yang sedemikian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mengetahui kedudukan ibadah solat yang sangat tinggi dan penting dalam islam. Malah mereka tahu dan sedar bahawa kewajipan solat diumpamakan seperti tiang dalam agama sehingga menyebabkan tertolaknya segala amalan yang lain jika solat ditinggalkan. Sesungguhnya agama pada diri seseorang muslim itu tidak akan tertegak dan sempurna akibat ditolak segala amalan kebijakkannya sehingga dia menunaikan kewajipan solat dengan sempurna terlebih dahulu (Zaharuddin, 2012:1).

Bagi item yang mencatatkan nilai min yang terendah ialah item no. 7 iaitu 3.67. Item ini berkaitan dengan “Solat difardukan pada malam *Isra'* dan *Mikraj*” di mana responden sebagianya bersetuju dan sebahagian lainnya tidak bersetuju dengan pernyataan ini dengan jumlah bilangan yang hampir sama. Hal ini terjadi kerana pelajar kurang mengambil berat tentang sejarah peristiwa *Isra'* dan *Mikraj* sehingga mereka berasa keliru berkaitan waktu kefarduan solat.

Secara keseluruhan dapatan pengkaji bahawa pengetahuan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka berkaitan solat fardu berada pada tahap yang tinggi dengan purata nilai min keseluruhan sebanyak 4.67. Dapatan ini secara keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang memahami tentang kewajipan solat fardu lima waktu yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T. ke atas mereka sehari-hari.

Fenomena ini menggambarkan bahawa para pelajar secara umum mengetahui dan faham akan perintah kewajipan solat yang merupakan peranan seorang hamba kepada Penciptanya. Dapatan ini menyokong kajian yang telah dilakukan oleh Sharifah Nur (2010) yang mendapatkan bahawa kebanyakkan pelajar Politeknik Kuching, Sarawak memahami dan mengetahui tentang kewajipan dan kepentingan solat dengan nilai purata min yang tinggi iaitu 3.99. Begitu juga dengan kajian yang di lakukan oleh Wan Ismail Wan Dagang (2009) ke atas pelajar muslim di Sek Men Munshi Ibrahim, Segamat mendapatkan bahawa tahap pengetahuan mereka berkaitan solat fardu adalah tinggi dengan purata nilai min sebanyak 4.33 peratus.

### **Kefahaman Solat Fardu Berjemaah Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Bukit Beruang**

Berdasarkan objektif kajian yang kedua menunjukkan maklumat keseluruhan bagi item yang berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap solat fardu berjemaah. Hasil analisis mendapatkan purata min bagi keseluruhan item 11 hingga 15 berada pada aras yang tinggi iaitu 4.36. Nilai min yang tertinggi bagi analisis item-item ini diperolehi menerusi item 13 iaitu 4.76 yang berkaitan dengan “Ganjaran solat berjemaah adalah 27 kali ganda berbanding solat bersendirian”. Analisis bagi item ini menunjukkan bahawa majoriti responden sangat setuju bahawa solat berjemaah mempunyai ganjaran berganda berbanding solat bersendirian. Hal ini berlaku kerana setiap orang yang berada dalam jamaah akan membawa rahmat dengan menyumbangkan satu kebaikan dan seterusnya digandakan setiap satu kebaikan kepada sepuluh kebaikan (Ibn Hajar al-Asqalani, 1997:160).

Manakala item yang mencatat nilai min kedua tertinggi ialah item 11 iaitu 4.73 yang berkaitan dengan “Solat berjemaah meningkatkan sifat kasih-sayang sesama islam”. Dapatan bagi item ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa solat berjemaah dapat meningkatkan sifat kasih-sayang dalam diri setiap muslim. Hal ini terjadi apabila berlakunya pertemuan sesama muslim dalam solat berjemaah dengan *bertaarruf*, bersalamatan, semangat tolong menolong sesama islam dan mengukuhkan lagi persaudaraan islam serta hubungan *silaturrahim* tanpa membezakan kedudukan, pekerjaan, pangkat dan harta (Zulkifli & Mohd Khairuddin, 2005:47).

Seterusnya item yang mencatat nilai min yang ketiga tertinggi ialah item 12 iaitu 4.59 yang berkaitan dengan “Solat berjemaah akan melatih diri seseorang untuk mengikuti segalai peraturan yang telah ditetapkan”. Dapatan bagi item ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa solat berjemaah dapat melatih diri pelajar untuk sentiasa berdisiplin serta mematuhi segala peraturan. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Muhammad Farid (2002) yang mendapatkan bahawa kumpulan pelajar yang *istiqamah* menunaikan solat fardu berjamaah di surau mempunyai tahap amalan pengurusan masa yang tinggi dan lebih berdisiplin berbanding kumpulan pelajar yang menunaikan solat secara bersendirian di asrama tetapi mempunyai tahap amalan pengurusan masa yang sederhana dan kurang berdisiplin.

Kemudian diikuti oleh item 15 yang mencatat nilai min keempat tertinggi iaitu 4.20 dengan pernyataan “Solat berjemaah bagi solat fardu hukumnya *fardu kifayah*”. Dapatan bagi item ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa hukum solat berjemaah bagi solat fardu selain jumaat adalah *fardu kifayah* dan hal ini membuktikan mereka faham tentang hukum solat berjemaah. Situasi ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar masih mengambil berat berkaitan solat berjemaah kerana mereka sedar kesan yang akan terjadi sekiranya solat berjemaah sering diabaikan oleh sesebuah komuniti dalam masyarakat. Mereka juga tahu bahawa tuntutan fardu kifayah tidak akan gugur jika tidak ada didirikan solat berjemaah di satu-satu tempat yang boleh menampakkan syiar islam seperti dimasjid, surau dan sekolah. Perkara sedemikian ini jika dibiarkan secara berterusan akan mengundang dosa bagi seluruh anggota dalam sesebuah masyarakat dan lebih parah akan mengundang azab dari Allah S.W.T. (Mohd Salleh Hj Ahmad, 2014:7).

Manakala item yang mencatatkan nilai min yang terendah ialah item 14 berkaitan dengan “Solat berjemaah bagi solat *isya'* dan subuh amat berat untuk dilakukan berbanding solat fardu yang lain”. Dapatan bagi item ini menunjukkan terdapat ramai responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Hal ini terjadi kerana kebanyakkan pelajar masih kabur lagi tentang kelebihan dan fadhilat yang terdapat dalam solat *isya'* dan subuh dengan ganjaran berjemaah didalamnya yang lebih besar berbanding dengan solat fardu yang lain. Namun disebalik ganjarannya yang besar, terdapat pelbagai kesukaran untuk datang berjemaah bagi kedua-dua solat fardu ini kerana solat *isya'* merupakan waktu paling leka dengan istirehat sementara subuh adalah waktu paling nikmat untuk tidur (Ibn Hajar al-Asqalani, 1997:185).

Secara keseluruhan, kebanyakkan responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berkaitan solat fardu berjemaah dengan purata nilai min keseluruhan sebanyak 4.36. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka kebanyakannya memahami dan mengetahui kepentingan solat fardu berjemaah dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Secara keseluruhan dapatan kajian pada bahagian ini menjelaskan bahawa responden sangat menitikberatkan solat fardu berjemaah di dalam kehidupan mereka. Kajian ini bertepatan dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Mazdiana (1998) yang menyimpulkan bahawa sebahagian besar responden memahami tentang hukum solat berjemaah. Kefahaman mereka boleh dilihat apabila 85 orang responden atau

94.4% berpendapat bahawa solat berjemaah adalah *sunat muakkad* atau *fardu kifayah*. Hanya segelintir daripada mereka iaitu 5.6 peratus yang berpendapat hukum solat berjemaah adalah *fardu ain*.

### **Kefahaman Pelajar-Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Bukit Beruang Berkaitan Balasan Meninggalkan Solat Fardu**

Berdasarkan objektif kajian yang ketiga menunjukkan maklumat keseluruhan bagi item yang berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap balasan meninggalkan solat fardu. Hasil analisis mendapatkan purata min bagi keseluruhan item 16 hingga 20 berada pada aras yang tinggi iaitu 4.25. Dapatkan di atas mendapatkan bahawa item yang memperolehi nilai min tertinggi ialah item 19 iaitu 4.71. Item ini berkaitan dengan “Balasan di akhirat ke atas orang yang meninggalkan solat ialah akan menerima azab dalam neraka” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tahu dan sedar tentang akibat orang yang meninggalkan solat dengan balasan azab yang akan mereka terima bukan sahaja di dunia tetapi lebih dahsyat daripada itu iaitu azab yang pedih di neraka.

Manakala item yang memperolehi nilai min kedua tertinggi ialah item 17 iaitu 4.63. Item ini berkaitan dengan “Berdosa besar jika meninggalkan solat fardu dengan sengaja” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar masih ada rasa bersalah apabila mengabaikan dan meninggalkan solat dan mereka dilihat menginsafi diri di atas segala dosa yang telah dilakukan. Mereka juga masih mempunyai iman dan taqwa dalam diri sehingga menimbulkan rasa tanggungjawab sebagai seorang muslim disamping keinginan untuk memperbaiki diri untuk menjadi insan yang soleh. Namun mereka perlukan bimbingan dan sokongan dari pelbagai pihak terutama ibu-bapa untuk meningkatkan lagi kesedaran yang mendalam di dalam diri agar kembali di atas landasan agama yang benar dengan melaksanakan segala tuntutan *syara'* dengan taat dan *istiqamah*.

Seterusnya item yang memperolehi nilai min ketiga tertinggi ialah item 20 iaitu 4.56. Item ini berkaitan dengan “Solat yang ditinggalkan wajib *digada'kan* (digantikan semula)” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa responden tahu dan sedar akan kesilapan yang dilakukan dengan bertaubat dan mengganti semula solat yang telah ditinggalkan dengan sengaja. Adapun solat yang wajib diganti semula ialah solat yang ditinggalkan dengan sengaja, namun dosanya masih belum gugur dengan berbuat demikian tanpa bertaubat serta beristigfar kepada Allah S.W.T. serta berazam untuk tidak meninggalkan solat dengan sengaja di masa yang akan datang (Hanafi Mohamed, 2011:65).

Berikutnya item yang memperolehi nilai min keempat tertinggi ialah item 16 iaitu 4.00. Item ini berkaitan dengan “Meninggalkan solat kerana menganggapnya tidak wajib boleh menyebabkan seseorang muslim itu menjadi kafir” di mana majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Jawapan responden telah membuktikan bahawa mereka memahami tentang bahayanya orang yang meremehkan perintah kewajipan solat sehingga mengundang kepada rosaknya akidah yang membawa kepada kufur. Mereka juga merasa takut untuk mempersendakan perintah Allah S.W.T. dan mengetahui kesan yang buruk akan menimpah seseorang yang telah menjadi kufur. Para *ulama'* telah bersepakat bahawa seseorang yang meninggalkan solat kerana menganggapnya tidak wajib boleh menyebabkan dia menjadi murtad dan kafir (Mohd Hashim Yahya, 2011:17).

Bagi item yang memperolehi nilai min terendah ialah item 18 iaitu 3.39. Item ini berkaitan dengan “Balasan di dunia ke atas orang yang meninggalkan solat fardu dengan sengaja adalah dibunuhi sekiranya enggan bertaubat” di mana bilangan responden yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut adalah hampir sama jumlahnya. Dapatkan ini menunjukkan bahawa ramai responden yang masih kabur tentang hukuman bunuh ke atas orang yang sengaja meninggalkan solat kerana malas dan seumpamanya serta enggan bertaubat dengan kembali menunaikan solat apabila disuruh oleh pemerintah atau wakilnya. Pendapat *ulama'* dalam masalah orang yang meninggalkan sembahyang kerana malas atau segan adalah dihukumkan *fasiq* serta berdosa besar kerana telah mengabaikan salah satu rukun islam yang lima. Menjadi tanggungjawab pemerintah untuk menyuruhnya bertaubat dengan kembali taat menunaikan solat dan dijatuhan hukuman bunuh sekiranya enggan berbuat demikian (Haron Din, 1985:121).

Secara keseluruhannya, kebanyakkan responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berkaitan balasan meninggalkan solat fardu dengan purata nilai min keseluruhannya sebanyak 4.25. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka kebanyakannya memahami dan mengetahui balasan yang akan diterima apabila meninggalkan solat fardu.

Kesimpulannya dapatan kajian pada bahagian ini menjelaskan bahawa responden menyedari akibat yang akan diterima oleh seseorang muslim apabila mengabaikan solat fardu. Kajian ini bertepatan dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Hilmi Ismail (2010:161) yang menyimpulkan bahawa sebahagian besar responden bersetuju bahawa perbuatan meninggalkan solat fardu akan mendatangkan kesan negatif kepada diri mereka.

## **■9.0 KESIMPULAN**

Amalan solat merupakan suatu amalan yang mulia disisi Allah S.W.T. Solat dapat mendidik jiwa dan rohani bagi setiap manusia. Ia juga bertujuan untuk mengangkat derjat dan martabat manusia yang sering mengamalkannya serta mencegah kita dari melakukan perbuatan keji dan mungkar. Bagi mencapai tujuan dan matlamat tersebut, solat hendaklah dilakukan dengan sepenuh tumpuan dan ikhlas dihati serta dengan penuh kecintaan terhadap Allah S.W.T. sebagai *khaliq* yang menciptakan diri kita. Penglibatan pelajar terhadap solat tidak cukup dengan hanya mewajibkan dalam bentuk penguatkuasaan semata-mata tetapi perlu diterapkan dari segi kefahaman, pelaksanaan dan juga penghayatan. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang adalah tinggi. Begitu juga dengan tahap kefahaman pelajar berkaitan solat fardu berjemaah berada pada aras yang tinggi. Manakala tahap kefahaman pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka juga berada pada aras yang tinggi. Namun ianya perlu diperkuuhkan lagi dari semasa ke semasa ada secara tidak langsung atau melalui program-program yang dirangka khas untuk tujuan ini. Kaedah pendidikan kerohanian perlu diberikan penekanan yang berterusan agar ianya seiring dengan kecemerlangan akademik.

Harapan pengkaji agar para pensyarah meningkatkan daya usaha dan komitmen bagi membimbing pelajar-pelajar dengan menyediakan aktiviti-aktiviti kerohanian. Di antara aktiviti-aktiviti kerohanian yang perlu dilaksanakan kepada pelajar-pelajar ialah kem, ibadah, kursus-kursus dan program yang bertujuan meningkatkan kefahaman, penghayatan dan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim
- Anisah Ghani, Dr. (2004). *Konsep Pengamalan Solat: Kajian Pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabi'in*. c. 1. Kuala Lumpur: Al- Hidayah Publishers.
- 'Asqalani, Imam Ibn Hajar. (1997). *Fathul Bari, penjelasan Kitab Sahih al-Bukhari (terjemahan)*. C.1. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Bukhari al-Ju'fi, Hafidz Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin al-Bardazbah. (2001). *Shahih Bukhari*. J.1. Kaherah: Dar al-Manar.
- Baihaqi, Ahmad bin Hussain. (t.t). *Makrifat al-Sunan Wal Athar*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill.
- Hasan Ayub. (2003). *Fiqh al-Ibadah Bi Adillatiha Fi al-Islam*. c. 2. Kaherah: Dar as-Salam.
- Hasan al-Turabi, Dr. (1974). *Al-Salah 'Imad al-Din*. Kuwait : Maktabah Dar al-Qalam.
- Hilmi Ismail (2010). *Pengamalan Solat Fardu di kalangan Mahasiswa di TATiUC Kemaman Terengganu*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.
- Haron Din (1985). *Manusia Dan Islam*. Edisi Kelima. Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Hanafi Mohamed (2006). *Hukuman Meninggalkan Sembahyang*. C.8. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Hasbi al-Shiddieqy (1994). *Pedoman Solat*. Kuala Lumpur: Penerbit Edaran Kalam.
- Ismail Kamus, Dato' & Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Johari El-Yamani dan Ustaz Junaid Talip. (2003). *As -Solat : Naskhah Lengkap Bimbining Ibadah Solat yang menuntut ke arah kesempurnaan Iman, Perlaksanaan Hukum, Kemuliaan Akhlak dan Kedaulatan Kehidupan Sejagat*. Kuala Lumpur: Al- Hidayah Publishers.
- Jawziyyah, Imam Syamsuddin Muhammad Abi Bakri Ibn al-Qayyim. (2006). *Rahsia Solat dan Hukum Meninggalkannya*. (Terjemahan dari Kitab Al- Solah Wa Hukmu Tarikuha). c.1. Selangor: Pustaka Dini.
- Jainabee. (2005). *Budaya Organisasi dan Kepuasan Kerja di Maktab Perguruan Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kurdi, Sheikh Muhammad Amin. (2004). *Tanwirul Qulub Fi Muamalati al- A'llamil Ghuyub*. c.1. Beirut, Lubnan: Dar al- Fikri.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh. (2004). *Pengabaian Solat Fardu di kalangan Remaja :Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasir Puteh, Kelantan*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Mardziah Abdullah Pakri & Mohd Lokman Mohd Ismail (2006). *Keberkesanan Kursus Pendidikan Islam Dalam Kalangan Pelajar JKA, JKE Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Dari Aspek Penghayatan Solat Fardu*. Muadzam, Pahang.
- Mohamad Najib Abdil Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru : Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nazir bin Ibrahim. (2013). *Kefahaman dan Penghayatan Amalan Solat Fardu dalam kalangan orang asli Pos Pulat, Gua Musang, Kelantan*. Tesis Sarjana Muda. Perak Darul Ridzuan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Arshad (1997). *Solat Fardu sebagai Wadah Jamaah dan Perpaduan Ummah*. Penulisan Ilmiah.
- Mazdiaina binti Daud. (1998). *Amalan Solat berjemaah di Kalangan Pelajar Akademi Pengajian Islam*, Tesis Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad 'Ali al-Hamsyari et.al (1997). *Al-Qamus al-Islami Li al-Nasy'i in Wa al-Syabab*. C.1, Riyadh: Maktabah al- 'Abikan.
- Muhammad Farid Kamsan @ Abd Hamid (2002). *Perkaitan Amalan Solat dengan Amalan Pengurusan Masa Akademik Pelajar-Pelajar Islam di Surau Kolej Rahman Putra, UTM : Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana Muda. Johor Bahru: Perpustakaan Raja Zarif Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Hj. Ahmad. (2014). *Solat Jamaah: Satu Huraian Menurut Mazhab Syafie*. C.2. Selangor: Pustaka Hj. Abd. Majid.
- Mohd. Hashim Yahaya. (2011). *Ensiklopedia Solat*. C.1. Kuala Lumpur: Terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Nawawi, Imam Abi Zakariyya Bin Syaraf (t.t). *Kitab al-Majmu' Syarah Muhadzab*. j. 1. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Rahmat Abdulla & Mohd Toriq Hj Sulaiman (2013). *Tahap Kefahaman dan Pelaksanaan Ibadat Solat Lima Waktu di kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Selendar*. Prosiding Seminar Penyelidikan. Kolej Komuniti Selendar,Melaka.
- Rokma Mamat. (2007). *Amalan Solat Sunat. Satu Kajian Di Kalangan Pelajar Akademi Pengajian Islam, UM*. Tesis Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Thabarani, Sulaiman bin Ahmad. (1983). *Mu'jam al-Kabir*. C.2. Al-Mawsoul: Maktabah al- Zahra.
- Sharifah Nur Abu. (2010). *Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak*. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak.
- Shukri Ahmad (2014). *Penghayatan Solat dan Pengimaran Masjion: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia*. Kertas Kerja. Universiti Utara Malaysia.
- Syarbini, Syeikh Syamsuddin bin Muhammad al-Khatib (1994). *Mugni al-Muhtaj*. j.1, c.1. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Syaukani, Imam al-Mujtahid al-Allamah Muhammad bin Ali. (2004). *Nail al- Author*. j.1. c. 3. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub Ilmiah.
- Wan Ismail Wan Dagang. (2009). *Hubungan antara Pelaksanaan Ibadat Solat dan Kederdasan Emosi dengan Pencapaian Akademik Pelajar : Satu Kajian di Dalam Satu Sekolah Menengah di Daerah Segamat*. Tesis Sarjana. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Wahbah al-Zuhaili. (2002). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zulkifli & Mohd Khairuddin. (2005). *Hukum Wanita menjadi imam solat: Kontroversi Solat Jumaat Dr Amina Wadud*. Selangor: Darul Fuqaha' Enterprise
- Zaharuddin Abd Rahman (2012). *Panduan Lengkap Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur: Terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zahabi,Imam al-Hafidz Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Uthman. (1995). *Kitab al- Kabair*. c.1. Damsyiq : Dar al-Khayr.